

# Masalah banjir di TTDI Jaya selesai tahun depan

WM 5/12/2006

SHAH ALAM 4 Dis. – Penduduk kawasan perumahan TTDI Jaya di sini dan sekitarnya dijangka tidak lagi mengalami trauma akibat kekerapan banjir apabila projek menaiktaraf Sungai Damansara dan Sungai Kuning siap tahun depan.

Dalam pada itu, kerja-kerja pembinaan rumah pam kekal dan tembok penahan banjir di kawasan perumahan berkenaan juga telah bermula.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Datuk Ir. Keizrul Abdullah berkata, semua usaha jangka pendek dan jangka panjang itu diambil bagi mengatasi masalah banjir di sekitar bandar raya Shah Alam dan kawasan dalam lembangan Sungai Damansara.

“Projek menaiktaraf Sungai Damansara dan Sungai Air Kuning merupakan satu inisiatif Kerajaan Persekutuan dalam menangani masalah banjir untuk jangkamasa sederhana.

“Difahamkan kali terakhir Sungai Damansara ini dikorek ialah pada tahun 2002 dan ia perlu dikorek semula memandangkan keadaan sungai sudah cetek disebabkan aliran pendedapan daripada kawasan yang telah dimajukan dalam kawasan tadahannya,” katanya.

Keizrul berucap demikian pada Upacara Pecah Tanah Projek Menaiktaraf Sungai Damansara dan Sungai Air Kuning, di sini hari ini.